

NO. SOALAN : 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM

[SEPUTEH]

TARIKH : 8 MAC 2018 (KHAMIS)

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan pekerja asing yang telah direkrut untuk bekerja di ladang FELDA dan ladang pekebun kecil. Nyatakan struktur gaji dan tempoh pelantikan yang dibenarkan terhadap mereka.

119

JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2017 bilangan pekerja asing yang direkrut oleh FELDA melalui FELDA Technoplant Sdn Bhd (FTP) adalah seramai 3,470 orang. Sehingga kini, jumlah pekerja asing yang sedang bekerja di tanah-tanah rancangan FELDA adalah seramai 10,660 orang termasuk dibawah kendalian kontraktor-kontraktor yang mendapat kerja di FELDA dan FTP.

Berkenaan struktur gaji yang digunapakai pula, ia berdasarkan Manual Kadar Upah Pekerja Ladang yang menepati garis panduan penggajian pekerja ladang dan memenuhi kehendak Perintah Gaji Minima, Kementerian Sumber Manusia dengan pendapatan gaji minima RM1,000.00 sebulan. Tempoh maksimum perlantikan yang dibenarkan terhadap semua pekerja adalah selama 10 tahun.

Sekian. Terima kasih.